D. Baca maklumat di bawah. Kemudian isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.



Hai, kawan-kawan! Saya ialah beg hijau. Saya merupakan beg mesra alam. Banyak orang gemar menggunakan saya ketika membeli-belah kerana saya boleh dikitar semula.

Saya amat selamat digunakan. Saya mudah reput dan mudah dilupuskan. Saya tidak mengeluarkan gas beracun. Oleh itu, saya tidak mencemarkan alam sekitar.

Jarit : Arun, saya sedang membaca maklumat tentang beg hijau. Tahukah kamu, beg hijau merupakan (1)_____ .

Arun : Apatah lagi tentang beg hijau ini, Jarit?

Jarit : Selain mesra alam, beg hijau amat (2)_____. Bukan itu sahaja, beg hijau juga (3)_____ dan (4)_____.

Arun : Wah, baguslah begitu! Jadi, beg hijau ini tidak akan menambah sampah.

Jarit : Benar kata kamu. Beg hijau tidak mengeluarkan (5)_____. Oleh itu, penggunaan beg hijau tidak (6)_____.

Arun : Wah, banyak kelebihan beg hijau ini! Marilah kita menggunakan beg hijau.

LIVEWORKSHEETS